

# Sikap penyokong pembangkang cemari Hari Kebangsaan dikesali

UM 30 AUG 1999

MUADZAM SHAH 29 Ogos

— Ketua Penerangan UMNO, Datuk Dr. Yusof Noor kesal dengan sikap penyokong-penyokong parti pembangkang di sebuah negeri yang telah mencemarkan sambutan Hari Kebangsaan ke-42.

Kata beliau, meskipun kerajaan telah memutuskan supaya setiap negeri memajang bendera negeri dan Jalur Gemilang sempena sambutan tersebut, tetapi ada orang mencabut Jalur Gemilang dan diganti dengan bendera parti pembangkang.

“Saya kecewa kerana Jalur Gemilang diganti dengan bendera parti yang tidak langsung terlibat di dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan negara, bahkan cuba menjahanamkan perpaduan masyarakat Melayu serta menghakis keyakinan pegangan bangsa,” katanya.

Menurut Dr. Yusof, mereka yang terbabit perlu bertanggungjawab kepada Allah jika mereka beragama Islam dan yang bukan beragama Islam perlu bertanggungjawab terhadap negara kerana mereka telah menyebabkan rakyat negara ini terkeliru dan berpecah-belah.

Ketika berucap pada pelancaran Gerak Mesra Pergerakan Wanita dan Gerak Gempur Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Rompin, di sini, hari ini.

Pada minggu lalu Pas negeri Kedah mengumumkan bahawa pihaknya akan me-

nganjurkan sambutan Hari Kebangsaan secara berasingan dengan mendakwa sambutan anjuran kerajaan sebagai mirip aktiviti kebudayaan masyarakat Kristian.

Yusof yang turut menyifatkan parti-parti pembangkang sebagai dayus dan pecah amanah memberitahu, beliau berkata, pembangkang-pembangkang harus sedar bahawa parti-parti pembangkang ditubuhkan di negara ini di atas restu kerajaan yang memerintah yang ditunjangi oleh UMNO.

“UMNO melaksanakan sistem sedemikian bagi membolehkan parti-parti pembangkang membuat teguran membina tetapi kini mereka telah melanggar amanah itu.

“Sebaliknya parti seperti Pas dan DAP kini menjadi punca kepada perpecahan rakyat,” katanya.

Lebih memalukan kini, kata beliau, para pemimpin pembangkang bertindak dayus apabila melakukan provokasi dengan menghina individu pemimpin di dalam UMNO supaya mereka ditangkap oleh pihak berkuasa.

Tambahnya, mereka berharap penangkapan tersebut akan dapat digunakan bagi menghasut rakyat supaya membenci kerajaan yang didakwa tidak adil dan kejam.

“Mereka sebenarnya tidak mempunyai modal lagi untuk menekan kerajaan, lalu mereka menggunakan cara dayus ini tanpa memikirkan kesan kepada perpaduan rakyat,” tegasnya.

Dr. Yusof berkata, Pas menggelar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai ‘presiden mahafiraun’ yang bermaksud sebagai bapa kepada segala Firaun.

Bagaimanapun, jelasnya, mereka tidak sedar jika Dr. Mahathir zalim, manakala kerajaan kejam bagaimana pula parti-parti pembangkang di negara ini terus bebas memaki hamun UMNO dan para pemimpinnya.

“Cuba mereka tubuhkan parti sedemikian di negara Islam lain seperti Mesir dan Arab Saudi jika mereka akan diberi kebebasan seperti di negara ini,” ujarnya.